


AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UITM CAWANGAN PULAU PINANG (UITMCPP)

# E-BULETIN ACIS UITMCPP




LAPORAN | AKADEMIK | AKTIVITI | WAKAF ILMU

Edisi E-Buletin 2024 ACIS UiTMCPP kali ini memfokuskan kepada empat tema utama iaitu pencapaian kualiti yang telah dicapai, aktiviti kolaboratif akademik bersama pihak luar UiTMCPP, aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023 dan penulisan wakaf ilmu daripada kalangan asatizah ACIS UiTMCPP.




EDISI  
2024



# **PENGUKUHAN AKADEMIK**

# PENGAJARAN KOLABORATIF SAINS KESIHATAN DAN FARMASI ISLAM (CTU221)

## 25 UBAT SAKIT: SOROTAN PANDANGAN KEROHANIAN BERDASARKAN RISALAH UNTUK PESAKIT SAID NURSI



Penulis: Ustazah Habibah Ayob

Pensyarah Kanan ACIS UiTMCPP

**Tarikh:** 2 Januari 2024

**Hari:** Selasa

**Masa:** 8.00pm-10pm

**Platform :** Microsoft Teams

**Panel Jemputan:**

Dr. Zunaidah bt Mohd Marzuki

Pensyarah Kanan Jabatan al-Quran dan Sunnah  
Universiti Islam Antarabangsa (UiAM), Gombak

**Moderator:**

Dr 'Imaaduddin bin Abdul Halim

Pensyarah Kanan  
UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh

**Objektif Program:**

1. Memperkenalkan pelajar kepada konsep sihat dan sakit menurut Islam
2. Mendedahkan pelajar kepada karya Badiuzzaman Said Nursi melalui karyanya Risalah Untuk Pesakit.
3. Menerapkan penghayatan pelajar kepada pelajar tentang ajaran Islam berkenaan dengan sihat dan sakit.

**Program ceramah ini dianjurkan dengan tujuan untuk mendedahkan pelajar-pelajar jurusan farmasi dan sains Kesihatan UiTM tentang perkara-perkara yang perlu diketahui oleh pesakit Ketika menghadapi ujian kesakitan.**

Pedoman ini diambil dari Buku "Risalah Untuk Pesakit" yang dikarang oleh Badiuzzaman Said Nursi. Ceramah ini dihadiri oleh 21 peserta] peserta yang terdiri daripada 221 orang pelajar UiTM Kampus Bertam berserta 3 orang pensyarah dari Akademi Pengajian Islam Kontemporari UiTM Pulau Pinang.

**Isi Kandungan Ceramah:**

Penceramah membentangkan pedoman untuk pesakit yang diambil dari buku "**Risalah Untuk Pesakit**" yang dikarang oleh **Badiuzzaman Said Nursi**.



Buku tersebut merupakan sebahagian daripada koleksi Risalah An Nur. Risalah An Nur adalah sebuah koleksi yang terdiri daripada 130 risalah yang terkumpul dalam empat buku utama iaitu al-Kalimat (Kalimah-Kalimah), al-Maktubat (Surat-Surat), al-Lama'at (Kilauan), dan as-Syu'a'at (Sinaran).

"Risalah Untuk Pesakit" adalah risalah yang termasuk dalam koleksi buku al-Lama'at (Kilauan), tepatnya kilauan ke-25. Buku ini ditulis pada tahun 1935 dengan tujuan menjadi sumber ubat, ilmu, semangat, pedoman, dan penawar yang bermanfaat untuk penyembuhan pesakit serta mereka yang ditimpa musibah.

**Di antara mesej utama buku ini adalah bahawa penyakit mengingatkan manusia tentang kematian dan kehidupan akhirat, serta memberikan peluang untuk bersyukur atas kesihatan yang sering diabaikan.**

Buku ini juga mengingatkan bahawa keimanan dan doa adalah ubat terbaik dalam menghadapi segala jenis penyakit, dan melalui taubat, istighfar, serta ketaatan kepada Allah, seseorang boleh memperoleh kesembuhan, baik fizikal maupun Rohani. Sesi soal jawab telah diadakan sejurus selepas ceramah.

Secara keseluruhannya, program ceramah ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang untuk manfaat yang lebih besar kepada komuniti.





جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Islam  
Kontemporari

## PENERBIT

### Unit Penerbitan

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS)  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)  
CAWANGAN PULAU PINANG  
KAMPUS PERMATANG PAUH  
13500 PERMATANG PAUH  
PULAU PINANG**



[https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder  
?view=page&id=95](https://penang.uitm.edu.my/index.php/en/component/sppagebuilder?view=page&id=95)



<https://www.facebook.com/acisuitmpenang?mibextid=LQQJ4d>



shahirah4572@uitm.edu.my / najwaalyaa@uitm.edu.my (eds)



+6 (04) 382 2888

eISSN 3030-6655



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang terlebih dahulu.